

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN STANDARD KUALITI PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN (SKPK) SECARA ATAS TALIAN**

---

**1. PENGENALAN**

Seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dalam meningkatkan kualiti prasekolah di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan penarafan kualiti prasekolah menggunakan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) mulai tahun 2015.

SKPK merupakan modul tambahan kepada Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) bertujuan untuk menilai kualiti program prasekolah yang ditawarkan oleh pelbagai agensi seiring dengan visi dan misi pendidikan negara menggunakan kriteria, petunjuk dan instrumen yang sah dan setara.

**2. PENARAFAN KUALITI PRASEKOLAH**

Tahap kualiti prasekolah dinilai melalui lima dimensi kualiti iaitu Tadbir Urus, Guru / Pembantu Guru, Kurikulum, Interaksi dan Kesihatan, Pemakanan & Keselamatan. Setiap prasekolah diminta untuk mengakses dan membuat penarafan sendiri menggunakan instrumen SKPK melalui laman web [www.smpk.moe.gov.my](http://www.smpk.moe.gov.my). Instrumen, panduan penggunaan dan video tutorial SKPK boleh dimuat turun melalui laman web tersebut.

Instrumen SKPK perlu diisi secara dalam talian pada setiap tahun. Data ini boleh digunakan oleh institusi untuk mengenal pasti tahap kualiti bagi tujuan penambahbaikan prasekolah masing-masing.

Verifikasi data akan dilaksanakan oleh pihak yang diberi kuasa bagi menentusah data yang diisi oleh institusi untuk mengenal pasti skor varians.

Berdasarkan data penarafan sendiri, KPM dapat mengenal pasti tahap kualiti prasekolah di Malaysia dan menetapkan Standard Minimum Prasekolah Kebangsaan. Standard ini menjadi penanda aras bagi piawaian kualiti seluruh institusi prasekolah di Malaysia.

### **3. TAKRIFAN**

Dalam surat siaran ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna lain:

“Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan” ertinya dokumen standard untuk menilai kualiti program prasekolah yang ditawarkan oleh pelbagai agensi seiring dengan visi dan misi pendidikan negara menggunakan kriteria, petunjuk serta instrumen yang sah dan setara.

“Prasekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia” ertinya semua prasekolah yang berada di premis dan bukan premis sekolah yang ditadbir oleh KPM.

“Tadika swasta” ertinya prasekolah yang diusahakan oleh individu, pertubuhan atau organisasi swasta yang berdaftar dengan KPM.

“Institusi” ertinya Institusi yang mempunyai prasekolah atau tadika swasta.

“Ketua Jabatan” ertinya Pengarah Institut Pendidikan Guru (IPG), Pengetua, Guru Besar atau pemilik/pengusaha tadika swasta.

“Garis Panduan Pelaksanaan SKPK” ertinya dokumen yang menjelaskan proses pelaksanaan SKPK.

“Pihak yang diberi kuasa” ertinya pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru.

### **4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

4.1. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan perkara berikut:

- a) pengisian dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b) pengisian instrumen berdasarkan institusi (bukan mengikut jumlah kelas prasekolah secara berasingan dan tidak termasuk semua jenis prasekolah pendidikan khas)
- c) penyemakan dan pengesahan segala maklumat dan butiran yang diisi oleh guru kelas di dalam SKPK.

4.2. Ketua Jabatan bertanggungjawab atas data yang dibekalkan.

4.3. Pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan memaklumkan kepada pegawai yang

bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan prasekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan.

#### **5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU KELAS**

Guru kelas perlu mengisi dan melengkapkan semua data dan maklumat prasekolah mengikut lima dimensi kualiti seperti yang tertera di dalam panduan penggunaan dan video tutorial SKPK yang boleh didapati di laman web [www.smpk.moe.gov.my](http://www.smpk.moe.gov.my). Guru kelas perlu menyelaras pengisian instrumen sekiranya terdapat lebih daripada satu kelas.

#### **6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH**

6.1. Pegawai Pendidikan Daerah bertanggungjawab memastikan semua prasekolah yang berdaftar di bawah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing melengkapkan SKPK dalam tempoh yang ditetapkan.

6.2. Pegawai yang mengurus prasekolah KPM atau swasta masing-masing bertanggungjawab untuk memastikan segala proses yang terkandung dalam SKPK ini dilaksanakan.

#### **7. BANTUAN TEKNIKAL SKPK**

Sebarang masalah teknikal berkaitan pengisian SKPK boleh dimajukan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat, KPM di talian bantuan SKPK 03-88843656 / 3662 / 3655.

#### **8. TARIKH KUAT KUASA**

Surat siaran ini berkuat kuasa pada tarikh dikeluarkan.

#### **9. PENUTUP**

KPM membangunkan SKPK untuk menetapkan Standard Minimum Prasekolah Kebangsaan. Penggunaan kriteria, petunjuk dan instrumen yang standard oleh pelbagai agensi yang menawarkan prasekolah akan memastikan kualiti program prasekolah seiring dengan visi dan misi pendidikan negara. Kejayaan SKPK bergantung penuh kepada komitmen dan sokongan daripada semua pihak yang berkepentingan.